

Persekitaran Antarabangsa dan Kerjasama Ekonomi



Tinjauan

Ekonomi dunia kekal di landasan pertumbuhan kukuh...

Ekonomi dunia dijangka terus berkembang pada tahun 2007, mengekalkan pertumbuhan lima tahun berturut-turut walaupun pada tahap yang lebih sederhana, disebabkan oleh harga minyak mentah yang tinggi dan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang tidak menentu. Meskipun pertumbuhan rendah sedikit berbanding prestasi pada tahun 2006, ia dijangka kekal kukuh dengan aktiviti ekonomi terus meningkat, terutamanya di negara membangun yang berkembang pesat, khususnya China, India dan Rusia, di samping pemulihan di Eropah dan Jepun. Inflasi dunia kekal pada paras terkawal walaupun telah meningkat berikutan harga minyak mentah yang tinggi.

Di **negara maju**, pertumbuhan lebih menyeluruh dengan pemulihan utuh di Eropah dan Jepun membantu mengimbangi pertumbuhan yang menyederhana di AS. Prestasi **negara membangun**, didorong terutamanya oleh pelaburan dan pertumbuhan perdagangan yang pesat, dijangka mengatasi negara maju dengan sumbangan yang semakin meningkat kepada pertumbuhan ekonomi dunia. China, India dan Rusia dijangka menyumbang lebih separuh kepada pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun ini. Kepesatan pertumbuhan juga mendorong kepada peningkatan yang ketara dalam aliran keluar pelaburan langsung asing (FDI) dari beberapa negara membangun utama. Biasanya negara maju merupakan sumber utama FDI.

Pertumbuhan yang lebih menyeluruh pada tahun 2007 dijangka berterusan ke tahun 2008, dengan perdagangan dan pelaburan dunia terus berkembang utuh, dan dalam keadaan kadar inflasi di paras terkawal. Persekitaran yang menggalakkan ini dijangka menyumbang secara positif kepada ekonomi Malaysia. Di samping itu, penglibatan Malaysia secara berterusan dalam kerjasama serantau dan pelbagai hala akan mengukuhkan lagi integrasi negara dengan ekonomi dunia.

Prestasi Ekonomi Dunia

Pertumbuhan ekonomi dunia kekal kukuh di sebalik ketidaktentuan ekonomi AS, sementara inflasi di paras terkawal...

Ekonomi dunia diunjur berkembang 5.2% pada tahun 2007, seperti di *Jadual 2.1*. Ini didorong terutamanya oleh pertumbuhan pesat di China, India dan Rusia yang dijangka akan mengimbangi kesan penyederhanaan ekonomi AS ekoran kemelesetan pasaran perumahan dan kelembapan perbelanjaan pengguna. Walaupun pertumbuhan ekonomi dunia terus kukuh, paras inflasi masih di tahap terkawal.

Ekonomi AS berkembang 4.0% dalam tempoh suku kedua 2007 (Januari-Mac 2007: 0.6%) hasil daripada aktiviti ekonomi yang kembali cergas, disumbang terutamanya oleh perbelanjaan pengguna, pelaburan tetap bukan kediaman dan eksport. Walau bagaimanapun, sejak awal tahun ini, kelemahan dalam sektor perumahan yang berterusan menjadi lebih serius berikutan

masalah gadai janji subprima yang membawa kepada krisis kredit dalam tempoh Julai-Ogos dan juga ketidakstabilan dalam pasaran kewangan dunia. Disebabkan itu, ekonomi AS dijangka menyederhana dalam tempoh separuh kedua dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar lebih rendah iaitu 2.0% pada tahun 2007 (2006: 3.3%).

Kawasan euro yang terdiri daripada 13 negara mencatat pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah daripada jangkaan, iaitu 2.5% dalam tempoh suku kedua 2007 (April-Jun 2006: 2.7%) setelah berkembang 3.1% dalam suku pertama (Januari-Mac 2006: 3.0%). Jerman, ekonomi terbesar di kawasan euro, berkembang lebih perlahan dalam tempoh separuh pertama, disebabkan sebahagiannya oleh perbelanjaan pengguna yang lebih rendah selepas kenaikan cukai jualan mulai Januari 2007 dan sektor pembinaan yang menguncup dalam tempoh suku kedua. Walau bagaimanapun, prospek pertumbuhan ekonomi bagi tahun ini kekal memberangsangkan, didukung oleh peningkatan perbelanjaan pengguna berikutan pertambahan bilangan pekerjaan dan upah yang tinggi, serta eksport yang kukuh. Pada tahun 2007, ekonomi kawasan euro dijangka berkembang 2.6% (2006: 2.8%).

Pemulihan ekonomi **Jepun** berterusan ke suku kedua 2007, tetapi rendah sedikit iaitu pada kadar 2.3% berbanding 2.6% dalam tempoh suku pertama, disebabkan sebahagiannya oleh perbelanjaan pengguna yang dikekang berikutan upah yang lebih rendah dan cukai lebih tinggi. Pertumbuhan didorong terutamanya oleh eksport dan pelaburan, menyebabkan kadar pengangguran turun ke paras terendah dalam tempoh sembilan tahun iaitu 3.7% pada bulan Jun 2007. Dalam keadaan ini, tempoh pemulihan ekonomi Jepun dijangka berlanjutan ke tahun keenam yang mana pertumbuhan keseluruhan tahun 2007 dijangka kekal pada kadar lebih tinggi iaitu 2.6% (2006: 2.2%).

Di **Asia Timur**, negara membangun yang berkembang pesat dijangka mencatat pertumbuhan agak sederhana iaitu 8.1% pada tahun 2007 (2006: 8.4%). Eksport kekal sebagai pendorong utama pertumbuhan ekonomi serantau, sementara permintaan dalam negeri terus meningkat di kebanyakan negara. Selain daripada permintaan

JADUAL 2.1

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar Negara Terpilih 2006-2008

(% perubahan)

	2006	2007 ¹	2008 ²
Dunia	5.5	5.2	5.2
Negara Maju	3.1	2.6	2.8
Amerika Syarikat	3.3	2.0	2.8
Kawasan euro	2.8	2.6	2.5
United Kingdom	2.8	2.9	2.7
Jepun	2.2	2.6	2.0
Asia			
China	11.1	11.2	10.5
Hong Kong SAR	6.8	5.5	5.0
Republik Korea	5.0	4.4	4.4
Taiwan	4.6	4.2	4.3
India	9.7	9.0	8.4
ASEAN 5	5.4	5.5	5.8
Indonesia	5.5	6.0	6.3
Thailand	5.0	4.5	4.8
Singapura	7.9	7.0	5.7
Filipina	5.4	5.8	5.8
Malaysia	5.9	6.0	6.0-6.5

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: IMF dan pihak berkuasa negara.

dunia yang kukuh untuk eksport rantau ini, kepesatan ekonomi China juga menjadikan negara tersebut sebagai destinasi eksport penting bagi negara lain di rantau ini, termasuk anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

China mencatat pertumbuhan melebihi jangkaan, iaitu 11.1% dalam tempoh suku pertama 2007 dan kadar yang lebih tinggi lagi, iaitu 11.9% dalam tempoh suku kedua (April-Jun 2006: 11.3%). Ini merupakan kadar terpantas untuk tempoh 12 tahun, didorong oleh pengukuhan berterusan eksport barangan dan jualan runcit. Keluaran perindustrian meningkat 18.7%, kadar tertinggi dalam hampir satu dekad.

Untuk mengelakkan ekonomi daripada berkembang melebihi keupayaan dan tekanan inflasi meningkat, kerajaan telah meneruskan langkah mengawal rapi penggunaan tanah dan projek, di samping menguatkuasakan piawaian

alam sekitar yang lebih ketat serta menaikkan kadar faedah dan syarat rizab bagi mengehadkan pelaburan baru. Pada Ogos 2007, Bank Pusat China iaitu *People's Bank of China* menaikkan kadar pinjaman penanda aras kepada 7.02% dan kadar deposit setahun kepada 3.60% (Julai: 6.84%; 3.33%), iaitu kenaikan keenam sejak April 2006. Kedua-dua kadar adalah yang tertinggi dalam tempoh lebih lapan tahun.

Republik Korea mencatatkan pertumbuhan 4.0% dalam tempoh suku pertama dan mengukuh kepada 4.9% dalam tempoh suku kedua (April-Jun 2006: 5.1%), sebahagian besar hasil daripada pemulihan dalam industri semikonduktor. Di sebalik nilai won yang mengukuh, eksport berkembang 10.7% dalam tempoh suku kedua dan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan untuk tujuh belas suku berturut-turut.

India berkembang 9.1% dalam tempoh tiga bulan pertama 2007 (Januari-Mac 2006: 10.0%), disokong terutamanya oleh perkembangan pesat sektor pembuatan (12.4%) dan perkhidmatan (9.3%) (Januari-Mac 2006: 9.4%; 14.2%). Sektor pertanian, yang merupakan sumber pendapatan kira-kira 60.0% penduduk India, mencatatkan prestasi yang lebih rendah pada kadar 3.8% (Januari-Mac 2006: 6.2%). Kelemahan sektor ini menyebabkan kebimbangan mengenai jangkaan kenaikan harga makanan akan membawa kepada tekanan inflasi dalam ekonomi.

Di rantau **ASEAN**, KDNK pada tahun ini dijangka berkembang antara 4.5% di Thailand dan 7.0% di Singapura, didorong terutamanya oleh eksport dan pelaburan dalam negeri. Di kalangan negara membangun yang berkembang pesat dalam ASEAN, Viet Nam mencatat pertumbuhan 7.9% dalam tempoh separuh pertama 2007, disebabkan terutamanya oleh lonjakan pelaburan dan pengukuhan eksport produk bukan minyak.

Bagi negara membangun lain, pertumbuhan ekonomi pada tahun 2007 dijangka kekal kukuh antara 5.5% di **Timur Tengah** dan **negara membangun yang berkembang pesat di Eropah**, dan 7.6% di **Komanwel Negara Merdeka**. Pertumbuhan ini dijangka disokong oleh, antaranya, penggunaan dan pelaburan yang kukuh serta harga komoditi seperti minyak, gas, logam dan kapas yang mantap.

Inflasi secara keseluruhannya masih terkawal di sebalik pertumbuhan ekonomi dunia yang kukuh. Walau bagaimanapun, sesetengah negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain mengalami tekanan inflasi, disebabkan terutamanya kenaikan harga tenaga dan makanan. Harga minyak mentah kekal tinggi disebabkan kekangan kapasiti pengeluaran dan peningkatan permintaan, sementara harga makanan naik sedikit berikutan bekalan berkurang kerana faktor cuaca dan penggunaan biofuel semakin meningkat. Inflasi pada tahun ini diunjurkan 2.0% untuk negara maju dan 5.7% untuk negara membangun yang berkembang pesat dan negara membangun lain.

Aliran Pelaburan

Aliran pelaburan terus melonjak...

Aliran masuk **FDI** dunia berkembang 34.3% kepada USD1,230.4 bilion pada tahun 2006 (2005: 28.9%; USD916.3 bilion). Mengikut Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), AS kembali sebagai negara penerima FDI terbanyak, berjumlah USD177.3 bilion, iaitu peningkatan 78.2% berbanding tahun 2005 (2005: USD99.4 bilion; -18.8%). Dua destinasi pelaburan yang paling menarik selepas AS ialah United Kingdom (UK) dengan aliran masuk FDI sebanyak USD169.8 bilion, peningkatan 3.2% (2005: USD164.5 bilion; 192.7%) dan Perancis, USD88.4 bilion, peningkatan 39.0% (2005: USD63.6 bilion; 102.6%).

Asia dan Oceania mengekalkan kedudukan sebagai sasaran utama FDI di kalangan negara membangun. Aliran masuk FDI ke rantau tersebut mencecah paras tertinggi yang baru sebanyak USD230 bilion, iaitu peningkatan 15.0% (2005: USD200 bilion; 27.2%). China menerima USD70 bilion, berkurangan 3.3% (2005: USD72.4 bilion; 19.5%) dan Hong Kong SAR, USD41.4 bilion, peningkatan 15.4% (2005: USD35.9 bilion; 5.6%). Dalam penggabungan dan pengambilalihan (M&A) merentasi sempadan, sektor perkhidmatan kekal dominan terutamanya telekomunikasi dan tenaga, sementara sektor utama, khususnya perlombongan menjadi semakin penting.

FDI kasar ke Malaysia meningkat kepada RM37.2 bilion dalam tahun 2006 (2005: RM26.8 bilion) bersamaan 7.1% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK), ekoran peningkatan aktiviti pengambilalihan oleh pelabur asing dan perolehan tertahan yang dilabur semula oleh syarikat multinasional (MNC) sedia ada. Walau bagaimanapun, selepas mengambil kira penyelarasan aliran keluar disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman kepada syarikat induk di luar negara, aliran masuk FDI bersih ialah RM25.9 bilion atau 4.9% daripada KNK. Belanda, Jepun, Singapura dan AS kekal sebagai sumber pelaburan asing terbesar di Malaysia, terutamanya dalam industri elektrik dan elektronik (E&E), kimia dan produk kimia serta pembuatan makanan.


Merujuk kepada aliran keluar FDI dunia, negara maju, didahului oleh Belanda, Perancis dan UK kekal sebagai sumber utama pada tahun 2005 yang berjumlah USD779 bilion. Sementara itu, terdapat peningkatan ketara dalam aliran keluar FDI dunia dari negara membangun dengan jumlah USD133 bilion atau 17.0%. Sejak tahun 1992, iaitu lebih daripada satu dekad, terdapat pertambahan

besar dalam kadar pertumbuhan aliran keluar FDI dari negara membangun, diterajui oleh India, Turki, Colombia dan Malaysia, seperti di *Carta 2.1*. Antara faktor yang mendorong pelaburan ke negara luar termasuk peluang perniagaan yang besar di pasaran baru, peningkatan kos pengeluaran dalam negeri, saingan daripada pengeluar kos rendah, serta faktor tolakan dan tarikan berikutan dasar kerajaan negara asal dan tuan rumah. Pertumbuhan pesat di kebanyakan negara tersebut serta faktor lain berkaitan pasaran turut menyumbang kepada aliran keluar ini.

Di kalangan 15 negara membangun yang mencatatkan jumlah aliran keluar FDI paling tinggi pada tahun 2005, Malaysia berada di tangga kelapan. Kebanyakan pelaburan dibuat melalui pengambilalihan dan usaha sama serta sebilangan pelaburan baru, diterajui oleh syarikat Malaysia yang besar dan terkenal dalam sektor petroleum dan perkhidmatan, diikuti sektor pembinaan, pembuatan dan pertanian. Pelaburan dari Malaysia terdapat di merata dunia, khususnya Indonesia (ladang kelapa sawit, perbankan dan telekomunikasi), Timur Tengah dan Asia Selatan

CARTA 2.1

Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan Aliran Keluar FDI dari Negara Terpilih 1992-2004
(purata bergerak 3 tahun, peratusan)



Sumber: UNCTAD.

(projek infrastruktur, perumahan dan lebuh raya), Afrika dan Asia Tengah (minyak dan gas) serta China (utiliti).

Momentum pertumbuhan FDI dunia dijangka terus meningkat sepanjang tahun 2007, dengan sektor perkhidmatan, khususnya teknologi maklumat dan komunikasi, kemudahan awam, pengangkutan, pelancongan serta hotel dan restoran, merupakan sumber utama pertumbuhan pelaburan. Produk E&E, mesin dan peralatan, serta logam dan produk logam merupakan sumbangan terbesar kepada pertumbuhan FDI dalam sektor pembuatan. Dalam sektor utama, harga yang lebih tinggi dan permintaan yang kukuh untuk sumber asli dijangka meningkatkan aliran FDI, terutamanya dalam sektor perlombongan dan petroleum.

Aliran Perdagangan

Kepesatan perdagangan memperkukuh pertumbuhan ekonomi dunia, memanfaatkan Malaysia...

Perdagangan dunia terus berkembang pada tahun 2007, walaupun pada kadar lebih perlahan iaitu 7.1% (2006: 9.4%). Pertumbuhan dunia yang terus kukuh dan permintaan import yang kekal mantap pada kadar 7.3% (2006: 9.4%), terutamanya untuk bahan mentah dan komoditi, merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan perdagangan.

Permintaan import di kawasan euro dijangka berkembang 5.4% (2006: 7.9%), disokong oleh keyakinan perniagaan yang kian meningkat. Import Jepun dijangka menyederhana kepada 3.0% (2006: 4.5%) ekoran penyusutan nilai yen. Berikutan penyederhanaan ketara dalam pelaburan korporat dan kediaman, pertumbuhan import di AS berkemungkinan tidak melebihi 3.7% (2006: 6.0%). Di sebalik pertumbuhan import yang lebih rendah pada kadar 12.8% (2006: 15.0%), negara membangun yang berkembang pesat, diterajui oleh China, akan memberi sumbangan besar kepada perdagangan dunia.

Di pasaran komoditi, harga minyak mentah melonjak melepasi USD78 setong pada awal Ogos 2007, akibat pergolakan di Nigeria, kekangan kapasiti loji penapisan yang berterusan di AS dan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Faktor-

faktor ini, ditambah dengan permintaan dunia yang semakin meningkat, dijangka menyebabkan harga minyak tidak stabil dan berada pada paras yang agak tinggi. Kenaikan harga minyak mentah dan kesedaran alam sekitar yang semakin tinggi telah menyebabkan permintaan untuk bahan api alternatif, khususnya biofuel meningkat. Kesannya, harga bagi input biofuel, terutamanya jagung, minyak sawit, tebu dan *rapeseed* kekal tinggi. Komoditi bukan minyak seperti minyak sawit dan getah juga akan mendapat faedah daripada kenaikan harga berikutan permintaan yang kukuh, khususnya daripada China.

Pertumbuhan sederhana yang sedang dialami oleh sektor E&E dijangka pulih dalam tempoh separuh kedua tahun ini. Jualan semikonduktor dunia dijangka berkembang 1.8% atau USD270 bilion (2006: 10.0%; USD247.7 bilion), walaupun harga jualan purata cip mikro jatuh mendadak akibat persaingan sengit dan inventori berlebihan. Harga jualan purata yang lebih rendah ini diimbangi oleh jumlah jualan semikonduktor yang lebih tinggi, didorong oleh pertumbuhan cergas dalam pasaran akhir utama seperti komputer peribadi, peralatan pengguna digital dan komunikasi mudah alih, khususnya di Asia Pasifik. Pertumbuhan berterusan dalam E&E dijangka mengekalkan permintaan bagi komoditi lain seperti logam dan produk logam, terutamanya tembaga.

Eksport perkhidmatan komersil yang berkembang kurang pesat berbanding eksport barangan meningkat 11.0% kepada USD2.7 trilion pada tahun 2006 (2005: 11.0%; USD2.4 trilion). Eksport perkhidmatan daripada Asia terus berkembang lebih cergas buat tahun ketiga berturut-turut berbanding purata dunia dan juga import perkhidmatan rantau ini, justeru mengurangkan defisit dalam perdagangan perkhidmatan rantau Asia. AS ialah pengeksport perkhidmatan terbesar, khususnya dalam perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Ini merupakan 14.3% daripada eksport perkhidmatan dunia. Pengeksport utama lain termasuk UK (8.2%), Jerman (6.1%), Jepun (4.5%) dan Perancis (4.1%).

Malaysia, sebuah ekonomi terbuka dan bergantung kepada perdagangan, dijangka meraih manfaat daripada pengembangan berterusan perdagangan dunia. Perdagangan luar Malaysia meningkat 2.2% kepada RM522,383 juta dalam tempoh enam bulan pertama

(Januari-Jun 2006: 11.4%; RM511,112 juta). Lebih perdagangan Malaysia, bagaimanapun, menguncup 10.4% kepada RM43,597 juta (Januari-Jun 2006: 1.6%; RM48,638 juta) berikutan permintaan dunia yang lebih perlahan untuk produk E&E. AS, Singapura, Jepun dan China kekal sebagai rakan perdagangan utama Malaysia dan merupakan 48.3% daripada jumlah keseluruhan perdagangan dalam tempoh enam bulan pertama (Januari-Jun 2006: 50.2%), seperti di *Carta 2.2*.

AS yang merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia mencatatkan 14.1% daripada jumlah perdagangan (Januari-Jun 2006: 16.5%) dalam tempoh enam bulan pertama. Produk E&E menyumbang 77.5% (Januari-Jun 2006: 79.8%) kepada jumlah eksport. Mata wang dolar AS yang lemah dan kelembapan permintaan untuk mesin memproses data automatik (ADP) dan alat ganti, *hybrid integrated circuits*, *digital monolithic integrated circuits* serta kelengkapan telekomunikasi menyebabkan eksport produk E&E ke AS merosot 14.1% (Januari-Jun 2006: 9.2%). Import mencatat trend yang sama dengan penurunan 14.1% berikutan permintaan yang lemah untuk komponen E&E, jentera, peralatan dan alat ganti serta peralatan optik dan saintifik. Oleh itu, dalam tempoh yang sama Malaysia mencatatkan lebih perdagangan yang lebih rendah sebanyak RM19,439 juta (Januari-Jun 2006: RM21,048 juta), seperti di *Jadual 2.2*. Eksport E&E ke AS dijangka meningkat dalam tempoh separuh kedua 2007 berikutan jualan bermusim, harga yang lebih kompetitif serta ciptaan produk elektronik baru.

Singapura kekal sebagai rakan perdagangan kedua terbesar Malaysia, menyumbang 13.2% (Januari-Jun 2006: 13.9%) kepada jumlah perdagangan. Import melebihi eksport, berkembang 6.9% (Januari-Jun 2006: 10.0%) dalam tempoh enam bulan pertama, didorong oleh permintaan yang kukuh untuk produk petroleum bertapis dan produk E&E, kimia dan produk kimia serta jentera, peralatan dan alat ganti. Walau bagaimanapun, eksport ke Singapura terutamanya komponen E&E dan produk petroleum bertapis merosot 9.1% (Januari-Jun 2006: 13.8%). Ini adalah disebabkan kelembapan permintaan bagi produk E&E dan penghantaran produk petroleum bertapis yang lebih rendah. Berikutan itu, jumlah perdagangan Malaysia berkurangan 3.2% kepada RM68,820 juta dalam tempoh enam bulan pertama dengan lebih perdagangan yang lebih rendah iaitu

RM13,379 juta (Januari-Jun 2006: RM71,128 juta; RM19,283 juta). Peningkatan semula permintaan dunia ke atas produk E&E dalam tempoh separuh kedua 2007 dijangka meningkatkan perdagangan dua hala antara kedua negara.

Malaysia terus mencatat defisit perdagangan dengan **Jepun** yang merupakan rakan perdagangan ketiga terbesar dan sumber import terpenting. Walau bagaimanapun, defisit perdagangan yang lebih rendah telah dicatatkan, iaitu RM5,028 juta (Januari-Jun 2006: RM6,895 juta) dalam tempoh enam bulan pertama berikutan peningkatan eksport gas asli cecair (LNG). Jumlah nilai import kekal sebanyak RM31,260 juta sementara eksport meningkat 6.8% kepada RM26,232 juta (Januari-Jun 2006: RM31,453 juta; -0.5%; RM24,558 juta), didorong oleh permintaan LNG yang memberangsangkan. Eksport utama ke Jepun terdiri daripada peranti semikonduktor, kelengkapan komunikasi dan bunyi, alat ganti dan mesin ADP, LNG serta produk kayu manakala import termasuk komponen E&E, jentera, peralatan dan alat ganti serta besi, keluli dan produk logam lain.

Eksport ke **China** yang merupakan rakan perdagangan keempat terbesar telah meningkat, didorong oleh permintaan kukuh untuk produk E&E, minyak sawit, kimia dan produk kimia serta getah asli. Pembangunan pesat sektor teknologi maklumat dan komunikasi serta kegiatan kukuh MNC di China telah meningkatkan permintaan produk E&E dengan ketara sebanyak 35.9%, khususnya *digital monolithic integrated circuits* serta alat ganti dan mesin ADP, dalam tempoh enam bulan pertama 2007, (Januari-Jun 2006: 16.6%). Barangan import utama dari China ialah alat ganti dan mesin ADP, peranti semikonduktor, jentera, peralatan dan alat ganti, produk kimia serta besi, keluli dan produk logam lain. Imbangan perdagangan dengan China kekal defisit, walaupun mencatat pengurangan kepada RM6,258 juta (Januari-Jun 2006: RM8,936 juta) dalam tempoh enam bulan pertama, didorong oleh peningkatan eksport barangan pembuatan dan minyak sawit.


ASEAN (tidak termasuk Singapura) kekal sebagai rakan perdagangan serantau utama. Sumbangannya kepada jumlah perdagangan Malaysia kekal sebanyak 12.0% (Januari-Jun 2006: 12.3%) dalam tempoh enam bulan pertama. Walau bagaimanapun, defisit perdagangan dengan ASEAN bertambah baik 52.8% atau

Haluan Perdagangan Luar - Malaysia Januari-Jun

	RM juta				Imbangan Perdagangan				Kadar Pertumbuhan (%)			
	Eksport		Import		Perdagangan		Jumlah		Eksport		Import	
	2006	2007	2006	2007	2006	2007	2006	2007	2006	2007	2006	2007
Amerika Syarikat	52,624	46,574	31,576	27,135	21,048	19,439	18.8	16.5	8.3	-11.5	18.1	-14.1
Singapura	45,206	41,100	25,922	27,721	19,283	13,379	16.2	14.5	13.8	-9.1	10.0	6.9
Jepun	24,558	26,232	31,453	31,260	-6,895	-5,028	8.8	9.3	-0.5	6.8	5.0	-0.6
Timur Laut Asia (tidak termasuk Jepun)	51,452	55,974	57,465	63,187	-6,013	-7,213	18.4	19.8	8.0	8.8	17.1	10.0
China	18,253	22,912	27,189	29,170	-8,936	-6,258	6.5	8.1	12.5	25.5	21.7	7.3
Hong Kong SAR	14,813	12,893	5,778	6,929	9,035	5,965	5.3	4.6	-1.1	-13.0	20.0	19.9
Republik Korea	11,010	12,066	12,546	12,364	-1,536	-297	3.9	4.3	15.5	9.6	22.4	-1.5
Taiwan	7,341	8,035	11,914	14,645	-4,573	-6,610	2.6	2.8	7.2	9.5	2.2	22.9
ASEAN (tidak termasuk Singapura)	30,488	31,008	32,431	31,925	-1,943	-917	10.9	11.0	12.4	1.7	13.0	-1.6
Thailand	15,238	14,507	12,715	13,128	2,523	1,379	5.4	5.1	7.3	-4.8	14.7	3.2
Indonesia	6,454	8,470	9,294	9,041	-2,841	-571	2.3	3.0	4.6	31.2	18.5	-2.7
Filipina	3,920	3,969	5,378	3,960	-1,458	9	1.4	1.4	7.2	1.2	-12.7	-26.4
Viet Nam	3,747	2,921	2,198	3,000	1,549	-80	1.3	1.0	82.8	-22.0	46.6	36.5
Brunei	627	626	94	162	533	464	0.2	0.2	12.1	-0.1	271.2	73.3
Kesatuan Eropah	33,836	37,090	25,947	28,819	7,888	8,271	12.1	13.1	14.1	9.6	5.0	11.1
Jerman	5,940	7,181	9,644	11,957	-3,704	-4,777	2.1	2.5	11.8	20.9	7.0	24.0
Belanda	9,401	10,644	1,786	1,585	7,616	9,058	3.4	3.8	15.6	13.2	22.9	-11.2
United Kingdom	4,972	4,896	3,298	3,271	1,674	1,625	1.8	1.7	6.5	-1.5	-1.8	-0.8
Perancis	3,590	3,503	3,389	3,443	201	60	1.3	1.2	13.8	-2.4	14.1	1.6
Itali	1,862	2,002	2,402	2,207	-540	-205	0.7	0.7	34.4	7.5	0.7	-8.1
Ireland	745	771	1,432	1,081	-687	-310	0.3	0.3	-18.5	3.5	0.3	-24.5
Asia Selatan	11,294	12,128	2,359	3,200	8,935	8,928	4.0	4.3	14.6	7.4	10.6	35.7
India	8,072	8,922	2,159	2,919	5,913	6,002	2.9	3.2	16.7	10.5	9.5	35.2
Asia Barat	7,329	8,860	9,399	8,676	-2,070	184	2.6	3.1	15.9	20.9	50.2	-7.7
Emiriyah Arab Bersatu	3,511	4,792	1,512	2,114	1,998	2,677	1.3	1.7	6.3	36.5	26.0	39.8
Arab Saudi	878	1,230	3,952	3,351	-3,073	-2,121	0.3	0.4	-4.9	40.1	57.3	-15.2
Iran	729	954	978	687	-249	266	0.3	0.3	22.7	30.9	59.5	-29.7
Oman	175	221	1,751	1,128	-1,576	-907	0.1	0.1	6.1	26.3	106.0	-35.6
Australia	8,854	9,476	3,899	5,054	4,955	4,422	3.2	3.3	8.0	7.0	-6.3	29.6
New Zealand	1,534	987	608	790	926	197	0.5	0.3	115.9	-35.6	-6.8	29.8
Afrika	3,737	4,410	2,143	1,816	1,594	2,595	1.3	1.6	5.1	18.0	68.2	-15.3
Negara-negara lain	8,963	9,151	8,034	9,811	929	-660	3.2	3.2	23.1	2.1	-2.1	22.1
Jumlah	279,875	282,990	231,237	239,393	48,638	43,597	100.0	100.0	10.5	1.1	12.6	3.5

Sumber : Jabatan Perdagangan Malaysia.

Haluan Perdagangan Luar - Malaysia Januari-Jun 2007



¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

RM917 juta (Januari-Jun 2006: -24.2%; RM1,943 juta), disebabkan oleh pengurangan import bagi peranti semikonduktor. Eksport utama ke ASEAN termasuk alat ganti dan aksesori untuk mesin ADP, peranti semikonduktor, bahan kimia organik, minyak mentah serta jentera, kelengkapan dan alat ganti. Barangan import utama ialah produk E&E, kimia dan produk kimia, kelengkapan pengangkutan serta minyak mentah.

Usaha ke arah mempelbagai pasaran yang dilaksanakan melalui inisiatif perdagangan dua hala, serantau dan pelbagai hala, fasilitasi perdagangan serta promosi perdagangan dan pelaburan secara agresif telah membawa kepada kemunculan pasaran eksport baru untuk Malaysia. Belanda, India, Pakistan dan beberapa negara Asia Barat, termasuk Emiriyah Arab Bersatu, Turki, Arab Saudi dan Iran, merupakan pasaran yang semakin penting kepada Malaysia. Eksport utama ke negara-negara ini dalam tempoh enam bulan pertama 2007 merangkumi produk E&E,

minyak mentah, minyak sawit, barang kemas, produk kimia, peralatan optik dan saintifik serta jentera, kelengkapan dan alat ganti.

Kerjasama Ekonomi Antarabangsa

Penglibatan aktif di peringkat serantau dan pelbagai hala...

Memandangkan sistem perdagangan dan kewangan negara-negara di dunia menjadi semakin berintegrasi, adalah penting bagi Malaysia terlibat secara aktif dalam **kerjasama antarabangsa** untuk berkongsi idea dan mencari penyelesaian di peringkat serantau dan pelbagai hala ke arah menangani isu bersama demi memastikan kestabilan kewangan dunia. Forum utama yang disertai secara aktif oleh Malaysia termasuk ASEAN, ASEAN+3 (China, Jepun dan Republik Korea), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM),

Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Tahun 2007, iaitu ulang tahun ke-40 kerjasama **ASEAN**, ialah juga titik perubahan ke arah merealisasikan integrasi dan pembinaan komuniti ASEAN. Dalam hal ini, Deklarasi Kuala Lumpur mengenai Pewujudan Piagam ASEAN (*Kuala Lumpur Declaration on the Establishment of the ASEAN Charter*) yang dimeterai pada 12 Disember 2005 menjadi pencetus kepada usaha menggubal satu perlembagaan penting yang merangkumi prinsip asas, matlamat, objektif dan struktur kerjasama ASEAN. Piagam ini yang dijangka dipersetujui oleh Ketua-ketua negara ASEAN pada penghujung tahun 2007 akan turut memberi identiti perundangan kepada ASEAN, seterusnya memberi taraf rasmi sebagai pertubuhan antara kerajaan.

Sejajar dengan perkembangan ini, penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dipercepatkan kepada tahun 2015, lebih awal daripada penubuhan sepenuhnya Komuniti ASEAN pada tahun 2020. AEC akan memajukan ASEAN sebagai sebuah pasaran dan pusat pengeluaran yang tunggal, sebuah rantau ekonomi yang amat kompetitif dan saksama pembangunannya serta berintegrasi sepenuhnya dalam ekonomi dunia. Di bawah proses Menteri-menteri Kewangan ASEAN, Malaysia kini menerajui inisiatif Mekanisme Kewangan Infrastruktur ASEAN yang bermatlamat menggunakan tabungan ASEAN untuk pembangunan infrastruktur dan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi rantau ini.

Dalam konteks pengukuhan kestabilan kewangan serantau, **ASEAN+3** terus mempererat kerjasama kewangan melalui dua inisiatif utama iaitu Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI) dan Inisiatif Chiang Mai (CMI). ABMI bermatlamat menggalakkan pembangunan pasaran bon di rantau Asia Timur sementara CMI telah ditubuhkan selepas krisis kewangan Asia untuk membantu negara anggota yang menghadapi masalah kecairan atau imbalan pembayaran (rujuk rencana, *Kerjasama Serantau di Asia Timur: Inisiatif Chiang Mai*).

Dalam usaha mempromosi perdagangan dan pelaburan yang bebas dan terbuka di rantau Asia Pasifik, **APEC** terus menumpukan kepada fasilitasi perdagangan dan pelaburan serta kerjasama kewangan. Selaras dengan ini, proses Menteri-menteri Kewangan APEC terus memberi penekanan kepada kemapanan fiskal serta pembangunan pasaran kewangan dan modal. Negara anggota juga mendapat manfaat daripada pelbagai program binaupaya dalam bidang berkenaan yang dianjurkan oleh institusi kewangan berkaitan APEC, termasuk institusi kewangan antarabangsa.

Kerjasama antara Asia dan Eropah di bawah **ASEM** bermatlamat menggalakkan hubungan lebih erat dan persefahaman yang lebih mendalam antara penduduk kedua benua dengan semangat saling menghormati dan perkongsian saksama. Keahlian ASEM yang pada awalnya terdiri daripada 25 negara Kesatuan Eropah (EU), Suruhanjaya Eropah dan negara ASEAN+3, terus diperluaskan dengan kemasukan Bulgaria, Romania, India, Mongolia dan Pakistan. Berikutan kejayaan Tabung Amanah ASEM I dan II, proses ASEM yang merangkumi Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan setiap dua tahun akan tertumpu kepada penubuhan Tabung Amanah ASEM III untuk menggalakkan dialog berkaitan ekonomi dan kewangan, dasar guna tenaga dan sosial, alam sekitar serta kepelbagaian budaya.

Malaysia terus menjalin hubungan dengan Institusi Bretton Woods, iaitu IMF dan Bank Dunia. Lembaga Eksekutif **IMF**, dalam rumusan rundingan Artikel IV pada Februari 2007, mengalu-alukan prestasi mantap ekonomi Malaysia. Lembaga Eksekutif juga menyambut baik kemajuan berhubung transformasi syarikat berkaitan kerajaan serta usaha berterusan pengukuhan sektor kewangan. Mereka juga menyokong tumpuan Malaysia dalam membangunkan modal insan untuk memenuhi keperluan industri bernilai tambah tinggi serta mengurangkan kerenah birokrasi ke arah penambahbaikan iklim pelaburan.

Malaysia terus bekerjasama erat dengan **Bank Dunia** dalam program bukan pinjaman, khususnya latihan dan khidmat nasihat. Di bawah program

KERJASAMA SERANTAU DI ASIA TIMUR: INISIATIF CHIANG MAI

Tinjauan

Inisiatif Chiang Mai (CMI) merupakan satu kemudahan bantuan kecairan serantau yang melibatkan 13 bank pusat negara anggota ASEAN+3 yang bersetuju menyalurkan kredit kepada satu sama lain sekiranya berlaku krisis sementara imbalan pembayaran atau kecairan.¹ Berikutan krisis kewangan Asia 1997/98, CMI telah dilancarkan atas kesedaran perlunya kerjasama yang lebih erat, bukan sahaja sebagai penampakan kepada berulangnya krisis yang serupa tetapi juga untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Keadaan yang wujud pada masa itu menunjukkan keperluan bertindak pantas melalui satu kerjasama pengaturan kewangan sebagai tambahan kepada kemudahan di bawah Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Rangka Kerja CMI

CMI terdiri daripada Pengaturan Swap ASEAN dan jaringan Pengaturan Swap Dua Hala, seperti berikut:

- i. **Pengaturan Swap ASEAN (ASA)** – dilancarkan pada tahun 1977 dengan kemudahan berjumlah USD100 juta, ASA pada mulanya melibatkan Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Sejak itu, ASA telah diperluaskan, merangkumi semua negara anggota ASEAN, dengan jumlah terkini USD2 bilion. Mereka boleh memohon untuk menukarkan mata wang tempatan dengan dolar Amerika, yen atau euro sehingga dua kali ganda jumlah komitmen masing-masing dan untuk tempoh maksimum enam bulan. Sebagai satu kemudahan pembayaran segera, pinjaman di bawah ASA harus dibuat dalam tempoh tujuh hari bekerja mulai dari tarikh permohonan dikemukakan kepada Bank Agen yang dilantik untuk menguruskannya; dan
- ii. **Pengaturan Swap Dua Hala (BSA)** – saiz pengaturan swap di bawah setiap perjanjian yang ditandatangani antara negara anggota ASEAN+3 ditentukan melalui rundingan dua hala. Pengeluaran segera sehingga 20.0% jumlah maksimum pinjaman boleh dibuat apabila negara pemberi swap mengesahkan bahawa negara pemohon swap memang mengalami masalah kecairan jangka pendek. Baki hanya akan dikeluarkan setelah negara penerima berada di bawah program IMF. Sehingga kini, 16 BSA berjumlah USD80 bilion telah ditandatangani, melibatkan lapan negara anggota.

Menyedari kepentingan pemantauan makroekonomi dan kewangan dalam pengesanan awal risiko sistemik serantau, CMI turut menyediakan pertukaran dan penilaian berkala data yang tepat masanya. Mesyuarat Tidak Rasmi Timbalan Kewangan dan Bank Pusat ASEAN+3 yang diadakan dua kali setahun terus memperkukuhkan pertukaran maklumat dan menggalakkan perbincangan yang telus dan tulus mengenai isu serantau. Untuk meningkatkan lagi proses dialog dasar, dua kumpulan berikut telah ditubuhkan:

- i. **Kumpulan Pakar** – Kumpulan ini terdiri daripada pakar profesional serantau. Ia berperanan sebagai badan penilai bebas untuk mengenal pasti kelemahan ekonomi dan kewangan, terutama berkaitan dasar makroekonomi, fiskal dan monetari, serta perdagangan dan kewangan antarabangsa; dan
- ii. **Kumpulan Kerja Teknikal untuk Pengawasan Ekonomi dan Kewangan** – Kumpulan ini membantu membangunkan sistem amaran awal untuk mengesan risiko memunculkan serta memperkukuhkan keupayaan dan kebolehan pemantauan di negara anggota.

Langkah Seterusnya

Untuk terus memperkukuh CMI, negara anggota ASEAN+3 bersetuju berusaha ke arah satu rangka kerja yang lebih maju dengan meluaskan CMI ke peringkat pelbagai hala. Sebuah Pasukan Petugas telah ditubuhkan untuk menghalusi pelaksanaan perkara ini dan sebagai langkah awal, ia akan menumpukan kepada penubuhan pengaturazaman rizab terkumpul yang ditadbir sendiri menerusi satu perjanjian.

Sebagai kesimpulan, kemajuan rangka kerja CMI melambangkan pengukuhan kerjasama ASEAN+3. Disokong oleh peningkatan pemantauan makroekonomi dan pertukaran data antara negara anggota, usaha meluaskan CMI ke peringkat pelbagai hala dijangka memenuhi matlamat mengukuhkan lagi kestabilan kewangan dan daya tahan rantau Asia Timur.

¹ Terdiri dari sepuluh negara anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) serta China, Jepun dan Republik Korea.

ini, pegawai dan institusi Malaysia mendapat manfaat daripada pelbagai inisiatif binaupaya dalam bidang seperti percukaian, pelaburan, pendidikan, ekonomi berasaskan pengetahuan dan produktiviti. Malaysia ialah jurucakap konstituensi Asia Tenggara dalam Jawatankuasa Kewangan dan Monetari Antarabangsa pada tahun 2006 dan Jawatankuasa Pembangunan pada tahun 2007. Sehubungan ini, Malaysia mempunyai peranan penting dalam perbincangan semasa mengenai pembaharuan kuota dan isu tadbir urus lain di kedua-dua institusi untuk menjamin suara dan perwakilan yang lebih besar bagi mencerminkan ekonomi dunia semasa, termasuk negara membangun yang berkembang pesat, terutamanya di Asia.

Setelah keluar daripada program pinjaman **ADB** pada tahun 2006, penglibatan Malaysia kini lebih tertumpu kepada program bantuan teknikal dan kerjasama serantau. Malaysia turut menyumbang sejumlah USD15 juta sejak tahun 1997 kepada Tabung Pembangunan Asia yang bertujuan menyediakan pinjaman konsesi kepada negara anggota kurang membangun untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup. Penglibatan Malaysia pada masa hadapan terus tertumpu kepada program seperti penggalakan integrasi pasaran kewangan serantau, peningkatan kemudahan awam di sektor kesihatan dan pengurusan alam sekitar yang mampan.

Penglibatan Malaysia dalam **IDB** termasuk mempromosi kewangan Islam, perdagangan dan pelaburan secara aktif di kalangan negara anggota. Pada Mei 2007, Malaysia berikrar menyumbang USD20 juta kepada Tabung Pembasmian Kemiskinan (PAF) yang bermatlamat mengurangkan kemiskinan menerusi projek infrastruktur, kesihatan dan pendidikan. Pemilihan Malaysia sebagai ahli lembaga pengarah Perbadanan Pembiayaan Perdagangan Islam Antarabangsa (ITFC) untuk tempoh 2007-2010 merupakan pengiktirafan peranan negara dalam IDB. ITFC ialah sebuah badan bebas di bawah IDB yang bermatlamat menggalakkan perdagangan antara negara anggota melalui pelbagai produk pembiayaan perdagangan dan program binaupaya. Malaysia akan mempertingkatkan penglibatannya dalam IDB, terutamanya melalui ITFC dan PAF serta kerjasama seterusnya dalam bidang seperti perdagangan, pengurusan zakat dan pembangunan pasaran kewangan Islam. Dalam usaha memperkukuh peranannya di rantau ini, IDB sedang dalam proses menubuhkan pejabat serantau yang tetap di Cyberjaya.

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia terus komited dan aktif menyertai proses penggubalan peraturan dan rundingan liberalisasi perdagangan dalam **WTO**. Mulai Februari 2007, Malaysia

menjadi pengerusi *General Council*, iaitu badan pembuat keputusan tertinggi WTO. Pelantikan ini merupakan pengiktirafan kepada peranan aktif dan sumbangan positif Malaysia kepada rundingan, terutamanya selaku pengerusi *Dispute Settlement Body* pada tahun 2006 dan *Negotiating Group on Trade Facilitation* (2004-2006).

Peranan Malaysia sebagai pengerusi *General Council* amat mencabar memandangkan Pusingan Doha, yang memberi fokus khusus kepada agenda pembangunan, berada di tahap kritikal. Setelah gagal menepati beberapa tarikh akhir dan tertangguh sejak Julai 2006 ekoran kebuntuan mencapai persetujuan, penyambungan rundingan pada Februari 2007 meningkatkan harapan memuktamadkan Pusingan tersebut menjelang akhir tahun 2007. Namun, peluang kini tipis setelah empat pihak utama (G4) iaitu AS, EU, India dan Brazil, tidak mencapai persetujuan pada Jun 2007. Sementara fokus khusus adalah untuk mencapai persetujuan berhubung tiga isu utama – tarif pertanian, subsidi pertanian dan tarif industri – rundingan dalam bidang lain seperti perkhidmatan, mekanisme pelindung dan hak harta intelek di bawah Agenda Pembangunan Doha (*Doha Development Agenda*) tetap juga mencabar.

Prospek 2008

Prospek ekonomi dunia kekal optimistik dalam persekitaran yang mencabar...

Pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2008 secara amnya dijangka lebih menyeluruh di peringkat serantau dan ekonomi domestik, serta akan terus merangsang aliran perdagangan dan pelaburan dunia. Jumlah perdagangan dunia diunjur berkembang 7.4% pada tahun 2008 (2007: 7.1%), disokong oleh permintaan dunia yang berkembang utuh dalam industri berteknologi tinggi, komoditi dan perkhidmatan. Dari segi pelaburan, FDI dunia dijangka terus

kukuh, didorong oleh aktiviti M&A yang semakin berkembang, pertumbuhan ekonomi yang mantap dan peningkatan dalam perbelanjaan modal tetap. AS, Belgium, Luxembourg, Perancis dan UK, dijangka menerima FDI paling besar di kalangan negara maju sementara China, Hong Kong SAR, Singapura dan India dijangka muncul sebagai empat penerima utama di kalangan negara perindustrian baru dan negara membangun yang berkembang pesat.

Walau bagaimanapun, prospek positif ini mungkin terjejas oleh krisis gadai janji subprima yang teruk, memberi kesan kepada ekonomi AS dan juga dunia. Kekangan kredit yang membimbangkan akibat krisis tersebut telah mendorong campur tangan bank pusat pada awal Ogos bagi mengurangkan tekanan dalam sistem kewangan dunia. Namun, keberkesanan langkah ini belum dapat dipastikan. Risiko jangka masa terdekat yang lain termasuk kemungkinan pelarasan ketidakseimbangan dunia menjadi tidak terkawal serta tekanan inflasi disebabkan harga minyak mentah yang lebih tinggi.

Dalam jangka panjang, risiko yang boleh menjejaskan pertumbuhan meliputi trend seperti penduduk semakin berusia dan peningkatan sentimen perlindungan serta kesan alam sekitar berikutan pembangunan yang pesat. Isu ini akan terus dibahasakan di pelbagai forum serantau dan pelbagai hala ke arah memastikan kestabilan ekonomi dan pembangunan mapan.

Walaupun wujud risiko, ekonomi dunia dijangka berkembang 5.2% (2007: 5.2%) pada tahun 2008, dengan Jepun, Eropah dan negara membangun yang berkembang pesat di Asia, terutamanya China dan India, mengimbangi kemungkinan penyederhanaan ekonomi AS. Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk meraih manfaat daripada pasaran luar yang semakin berkembang serta peluang perdagangan dan pelaburan yang kian bertambah, disokong oleh usaha berterusan ke arah meningkatkan daya saing dan daya tahan negara.